



KEPERLUAN GOLONGAN PROFESIONAL TERLATIH MENGENDALIKAN GOLONGAN ORANG KURANG UPAYA DI MALAYSIA

(Needs for Trained Professionals in Handling People with Disabilities in Malaysia)

Nurzaimah Asala^{1*}, Sakinah Sidek¹, Haris Abd Wahab²

¹ Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Malaysia

² Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

*Corresponding Author Email: nurzaimah@fsk.upsi.edu.my

Received: 22 September 2022 • Accepted: 14 April 2023 • Published: 30 April 2023

Abstract

Statistics from the Social Welfare Department in 2021 show that a total of 587, 608 people with disabilities (OKU) are registered with JKM. This number is low compared to the number of registered births of more than four million who are reported to be disabled. This large number indicates a need for a professional that needs to be trained to help the disabled. Studies in Malaysia often focus on aspects of services and rehabilitation for the disabled. However, there is relatively little research on identifying other professions that can improve the needs of the disabled in Malaysia. One of the important professions today is a social worker. Social work programs at public universities provide courses for students of social work programs to understand and handle clients, including the disabled. The courses offered should make students understand the aspects of diversity in dealing with clients. Students of social work programs should be proficient in handling a variety of clients, including the disabled. This article will discuss the mastery of social work program students in understanding the disabled while studying. A total of 279 students at six public universities offering social work programs were involved in this study. This study which uses quantitative methods that is the distribution of questionnaires and data was analyzed using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) version 23. The findings show that students of social work programs are able to master understanding the disabled while studying at university. This finding is based on the results of a survey of courses offered at universities that have provided and prepared social work program students with skills and theories that can be applied in helping people with disabilities. This situation shows that social work trainees have received sufficient training since studying at the Bachelor's Degree level.

Keywords: Social Work Education; Disabled; Services; Social Work

Abstrak

Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) pada tahun 2021 menunjukkan seramai 587, 608 golongan Orang Kurang Upaya (OKU) yang berdaftar dengan JKM. Jumlah ini merupakan jumlah yang rendah dibandingkan dengan jumlah yang berdaftar kelahiran iaitu lebih empat juta yang dilaporkan merupakan OKU. Angka yang banyak ini menunjukkan satu keperluan profesion yang perlu dilatih untuk membantu golongan OKU. Kajian di Malaysia sering memberi penumpuan kepada aspek perkhidmatan dan pemulihan kepada golongan OKU. Namun, agak kurang kajian tentang mengenalpasti profesion lain yang mampu meningkatkan keperluan golongan OKU di Malaysia. Salah satu profesion yang penting kini adalah pekerja sosial. Program kerja sosial di universiti awam sememangnya menyediakan kursus kepada pelajar program kerja sosial untuk memahami dan mengendalikan klien termasuk golongan OKU. Kursus yang ditawarkan perlu menjadikan pelajar memahami aspek kepelbagaian dalam berhadapan dengan klien. Pelajar program kerja sosial seharusnya mahir dalam mengendalikan kepelbagaian klien termasuklah golongan OKU. Artikel ini akan membincangkan tentang penguasaan pelajar program kerja sosial dalam memahami golongan OKU semasa mengikuti pengajian. Seramai 279 orang pelajar di enam buah universiti awam yang menawarkan program kerja sosial telah terlibat dalam kajian ini. Kajian ini yang menggunakan kaedah kuantitatif iaitu pengedaran borang soal selidik dan data telah dianalisis menggunakan Pakej Statistik untuk Sains Sosial (SPSS) versi 23. Penemuan kajian mendapati pelajar program kerja sosial mampu memahami dan mempelajari intervensi terhadap golongan OKU ketika mengikuti pengajian di universiti. Penemuan ini berdasarkan hasil tinjauan terhadap kursus yang ditawarkan di universiti telah menyediakan dan mempersiapkan pelajar program kerja sosial dengan kemahiran dan teori yang boleh diaplikasikan dalam membantu golongan OKU. Keadaan ini menunjukkan pelatih kerja sosial mendapat latihan secukupnya sejak mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda.

Kata kunci: Pendidikan Kerja Sosial; Orang Kurang Upaya; Perkhidmatan; Kerja Sosial

Cite as: Aslal, N., Sidek, S. & Abd Wahab, H. (2023). Needs for Trained Professionals in Handling People with Disabilities in Malaysia. *Asian People Journal*, 6(1), 143-155.

PENGENALAN

Hunt dan Colander (2002) menyatakan bidang sains sosial merupakan bidang yang terdiri daripada antropologi, sosiologi, sejarah, ekonomi, geografi, sains politik dan psikologi termasuklah kerja sosial. Sejak tahun 1975, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan menawarkan kursus rancangan kerja sosial di Universiti Sains Malaysia. Kursus ini diwujudkan bagi tujuan melatih pelajar agar mahir dalam memberi perkhidmatan pertolongan kepada masyarakat. Selain itu, penawaran kursus kerja sosial juga adalah bagi memberi peluang kepada pegawai perkhidmatan kebajikan masyarakat dan organisasi khidmat manusia kerajaan dan bukan kerajaan untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka dalam membantu golongan yang berkeperluan. Matlamat program ini juga adalah bagi melahirkan graduan kerja sosial yang terlatih dan profesional untuk keperluan badan kerajaan, bukan kerajaan, swasta dan industri.

Perkembangan bidang pendidikan kerja sosial memerlukan pihak universiti untuk menyediakan kurikulum mengikut piawaian kurikulum asas kerja sosial. Hal ini akan mampu menyediakan pelajar program kerja sosial yang terlatih dan mahir serta mampu mengurangkan jumlah pengangguran. Selaras dengan Dasar Pendidikan dan Piawaian untuk Pendidikan Kerja Sosial yang menyatakan keperluan Persatuan Pekerja Sosial Malaysia (MASW) di bentuk untuk tujuan memperkenalkan piawaian program pendidikan kerja sosial di peringkat universiti. Teori Kurikulum oleh Tyler (1949) ada menyatakan penyediaan kurikulum untuk pelajar haruslah mempunyai tujuan yang ingin dicapai iaitu untuk menjadikan pelajar yang berpengetahuan dan berkemahiran dalam bidang tertentu. Oleh itu, adalah suatu keperluan untuk menyediakan kurikulum yang efektif untuk melatih pelajar yang mengikuti program kerja sosial agar mahir dalam bidang tersebut. Salah satu kemahiran yang penting adalah keperluan pelajar program kerja sosial memahami golongan OKU. Pengetahuan pelajar tentang kumpulan sasar ini akan mampu meningkatkan kapasiti profesion kerja sosial yang mahir mengendalikan golongan OKU di Malaysia.

Program kerja sosial di Barat sering menghubungkan pelajar dengan klien secara langsung terutama golongan OKU. Pendekatan ini penting agar pelajar dalam bidang kerja sosial sudah mempunyai pendedahan awal dan mempunyai pengalaman untuk berhubung secara langsung dengan klien (Michelle, 2016). Golongan OKU merupakan mereka yang perlu dibantu dengan kemahiran dan pengetahuan tertentu. Oleh itu, universiti awam yang menawarkan bidang kerja sosial ini seharusnya menyediakan pengetahuan dan kemahiran tersebut kepada pelajar yang mengikuti program kerja sosial. Situasi ini sama dengan di negara Barat yang seawal pendidikan Ijazah Sarjana Muda telah menghubungkan pelajar program kerja sosial dengan golongan OKU dan berdasarkan kursus yang disediakan pelajar mampu kompeten untuk mengendalikan golongan OKU yang berada di Pusat (Holden et al., 2002). Situasi ini adalah penting untuk membantu golongan OKU oleh ahli profesional. Profesionalisme kerja sosial juga akan mampu mendapat pengiktirafan dalam mengendalikan golongan OKU di Pusat.

Perkhidmatan Orang Kurang Upaya

Golongan OKU merupakan golongan terpenting untuk mendapatkan perkhidmatan yang terbaik dalam masyarakatnya. Kesukaran mereka untuk mendapatkan perkhidmatan yang sepatutnya akan menyebabkan golongan ini terus keterbelakang dan tidak dapat menjalani kehidupan seharian dengan baik. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) merupakan salah satu jabatan yang penting dalam membantu golongan OKU (Sidek, 2020). Antara perkhidmatan yang disediakan adalah seperti bantuan kewangan, permohonan pendaftaran, Program Pemulihan dalam Komuniti (PDK), perkhidmatan institusi seperti Taman Sinar Harapan, Bengkel Terlindung, Pusat Latihan dan Pemulihan di Bangi serta Pusat Harian Bukit Tuanku. JKM telah menyediakan salah satu perkhidmatan yang penting kepada golongan OKU iaitu PDK. Program ini berteraskan kepada tiga model iaitu pemulihan di rumah dikenali sebagai Home Based, pemulihan di pusat iaitu *Centre Based* dan pemulihan di rumah dan di pusat iaitu Centre-Home Based. Malaysia mengguna pakai model kombinasi iaitu pemulihan di rumah dan di pusat dalam melaksanakan program PDK. Sidek (2020) menyatakan terdapat enam objektif utama PDK iaitu;

- i Membolehkan OKU mencapai dan mengekalkan keupayaan fizikal dan mental ke tahap maksimum.
- ii Membolehkan OKU mendapat akses kepada perkhidmatan dan peluang berdasarkan domain CBR matrik (kesihatan, pendidikan, kehidupan, sosial dan pemerksaan)
- iii Menggalakkan penyertaan penuh dan integrasi sosial OKU dalam komuniti.
- iv Menggalakkan penggunaan kaedah dan teknik pemulihan yang berkesan dan sesuai berdasarkan masyarakat setempat.
- v Mengurangkan penempatan jangka panjang di institusi.
- vi Menggalakkan sikap prihatin dan tanggungjawab masyarakat dalam melaksanakan PDK

Penubuhan PDK ini telah menyediakan kemudahan yang diperlukan oleh golongan OKU agar mereka mampu mendapatkan perkhidmatan pemulihan serta diintegrasikan dalam komuniti. Pendekatan PDK merupakan strategi untuk meningkatkan akses kepada perkhidmatan pemulihan kepada OKU di dalam komuniti mereka sendiri (WHO, 2010). Program PDK yang pertama di Malaysia telah dimulakan pada tahun 1984. Program PDK telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat setempat. Sehingga tahun 2021, sebanyak 559 buah PDK telah ditubuhkan di seluruh Malaysia (JKM, 2021). Ini menunjukkan permintaan terhadap program PDK semakin meningkat selaras dengan peningkatan bilangan OKU setiap tahun.

Antara aktiviti yang dilaksanakan oleh PDK adalah seperti kemahiran motor kasar, kemahiran motor halus, perkembangan sosial, perkembangan Bahasa, pengurusan diri sendiri, pra-menulis, membaca, mengira dan melukis, kreativiti - permainan, rekreasi dan lain-lain, latihan vokasional, terapi muzik dan sukan dan rekreasi. Aktiviti-aktiviti ini dipercayai dapat membantu meningkatkan kemampuan golongan OKU dalam menjalani kehidupan seharian. Selain daripada perkhidmatan daripada pihak JKJ, banyak NGO yang kini turut menyedari keperluan untuk membantu golongan OKU. Sehingga tahun 2021, sebanyak 191 Pusat Jagaan OKU yang disediakan oleh NGO berdaftar dengan pihak JKJ. Peningkatan jumlah NGO ini menunjukkan masyarakat mulai menyedari akan keperluan lebih banyak perkhidmatan yang diperlukan oleh golongan OKU terutama di Kawasan pedalaman dan sukar untuk mendapat akses perkhidmatan dengan kerajaan.

Rosli et al. (2015) menyatakan sebilangan kecil sahaja golongan OKU hanya berjaya ditempatkan dalam sektor awam. Manakala selebihnya akan ditempatkan di sektor swasta dan NGO. Oleh itu, kini telah banyak juga badan bukan kerajaan atau *Non-Governmental Organisation* (NGO) yang mengendalikan golongan OKU. Bagi negeri Sabah misalnya antara NGO yang ada membantu golongan OKU adalah seperti *Cheshire Home*, Persatuan bagi Orang Pekak Sabah, Persatuan Bagi Orang Buta Sabah, Persatuan CHILD Sabah, Persatuan Kesihatan Jiwa dan lain-lain. Portal Rasmi Dewan Negeri Selangor memaklumkan bahawa sebanyak 247 NGO yang mengendalikan golongan OKU di negeri Selangor sehingga tahun 2021. Peningkatan kepada pembabitian NGO membantu golongan OKU ini hampir sama bagi keseluruhan negeri di Malaysia. Kesukaran pihak keluarga untuk menjaga anak yang OKU menyebabkan keluarga menghantar anak mereka untuk menerima latihan dan jagaan bagi memastikan anak mereka mendapatkan kemahiran asas (Amin et al., 2016). Keterbatasan bilangan pusat kerajaan dan kepakaran dalam membantu golongan OKU menjadikan lebih ramai lagi golongan OKU yang masih memerlukan perkhidmatan. Berdasarkan situasi ini, sudah tiba masanya pendidikan di universiti memastikan graduan yang mempunyai kepakaran dan pengetahuan tentang golongan ini menerima latihan yang sepatutnya agar dapat memenuhi keperluan golongan OKU.

Terdapat juga beberapa kritikan terhadap Program Pemulihan dalam Komuniti (PDK), terutamanya yang berkaitan dengan kekurangan prosedur penyelidikan dan hasil yang tidak sistematik (Finkenflugel et al., 2005). Kelemahan dari aspek prosedur termasuk keperluan yang tidak dipenuhi untuk pemulihan perubatan dan kegagalan untuk memaksimumkan penyertaan atau penglibatan Orang Kurang Upaya (Evans et al., 2001; Turmusani et al., 2002). Manakala dari aspek keberkesanan PDK mendapati pengabaian aspek psikososial golongan OKU (Kassah, 1998). Ini kerana program ini berorientasikan masyarakat, tempat di mana mereka mengalami stigma dan diskriminasi yang paling tinggi. Secara tidak langsung ia merendahkan martabat dan harga diri golongan OKU.

Kajian di Thailand menunjukan sekumpulan wanita kurang upaya mendapati PDK tidak dapat meningkatkan pandangan positif golongan ini terhadap diri mereka dan juga kurang berkesan dalam menangani masalah penyisihan sosial daripada masyarakat (Bualar & Morshed, 2009). Salah satu faktor yang mempengaruhi

hasil ini adalah disebabkan perasaan rendah diri yang ada pada golongan kurang upaya apabila bertemu dengan kumpulan masyarakat yang normal. Perasaan ini menyebabkan mereka mengasingkan diri daripada masyarakat. Program di PDK juga didapati berorientasikan pemulihan perubatan yang mana menekankan tentang kelainan fizikal yang mereka hadapi. Keadaan ini menyebabkan wanita kurang upaya tidak dapat kembali kepada kehidupan harian seperti biasa dalam persekitaran sosial mereka. Di samping itu juga, kekurangan petugas wanita juga menjadi faktor kepada ketidakberkesanan program PDK di Thailand. Wanita kurang upaya tidak selesa untuk memberi kerjasama sepenuhnya kepada petugas lelaki. Justeru, kajian ini dijalankan bagi melihat kekurangan serta halangan yang wujud dalam membantu pelatih PDK meningkatkan lagi kebolehan mereka dalam kehidupan. Berdasarkan kekangan yang dihadapi ini menunjukkan menjadi satu keperluan satu badan professional yang berpegetahuan dan terlatih untuk mengurus golongan OKU. Profesionalisme ini penting agar golongan OKU mendapat perkhidmatan dan latihan yang bersesuaian untuk mereka mampu berdikari.

Pendidikan Kerja Sosial

Pickard (2003) dan Miller (2013) berpendapat, kursus yang ditawarkan dalam kurikulum asas kerja sosial perlu menyediakan pengetahuan yang mendalam tentang sesuatu populasi agar pelajar lebih kompeten dalam menyediakan perkhidmatan kepada golongan yang tepat. Selalunya pelajar akan didedahkan dengan kumpulan populasi berisiko dengan mengadakan lawatan dan mendekati golongan populasi berisiko berkenaan. Situasi ini sama dengan di Malaysia mahupun di Barat (Pickard, 2003; Sulaiman et al., 2017; DeGroot, 2019). Berdasarkan Piawaian Kompetensi Kebangsaan Praktis Kerja Sosial di Malaysia (2010), kursus yang diikuti oleh pelajar semasa dalam pengajian akan menjadikan pelajar mempunyai kompetensi dari segi penyelesaian masalah. Menerusi kompetensi ini pengamal kerja sosial akan mampu untuk mengenal pasti dan membuat penentuan masalah dengan tepat. Antara golongan berisiko yang terdapat dalam pendidikan kerja sosial adalah warga tua, kanak-kanak dan keluarga, wanita dan termasuklah golongan OKU.

Pengetahuan tentang teori berkaitan akan menjadikan pelajar lebih mendalami tentang keperluan golongan OKU. Kajian Pickard (2003) dan Yardley et al. (2012) menunjukkan pengetahuan pelajar berasaskan teori akan melahirkan pelajar yang tahu mengenalpasti masalah yang diperlukan oleh golongan ini. Berdasarkan Piawaian Kompetensi Kebangsaan Praktis Kerja Sosial di Malaysia (2010), kursus yang diikuti oleh pelajar semasa dalam pengajian akan menjadikan pelajar mempunyai kompetensi dari segi penyelesaian masalah. Menerusi kompetensi ini pengamal kerja sosial akan mampu untuk mengenal pasti dan menimbang pelbagai strategi penyelesaian masalah. Selalunya kursus yang ditawarkan akan membincangkan mengikut populasi berisiko tertentu untuk kefahaman tentang kemahiran dalam profesion menolong. Pelajar sememangnya perlu mengikuti kursus lain yang berkenaan tentang populasi berisiko untuk memahami dengan lebih mendalam tentang kemahiran dalam profesion menolong mengikut populasi berisiko. Penemuan ini sama dengan kajian Hardy (2010) dan Pickard (2003) yang menunjukkan pelajar perlu mengikuti beberapa kursus lain untuk memberikan kefahaman tentang sesuatu populasi dengan lebih mendalam. Situasi tidak jauh berbeza dengan negara Barat. Misalnya, *Western Illinois University dan University of Illinois Social Work Urbana-Champaign* menyediakan satu kursus khas memfokuskan kepada golongan OKU untuk memahami golongan ini iaitu kursus *Social Work Disabilities*. Keadaan ini sama dengan pelajar yang mengikuti program kerja sosial di universiti awam mereka perlu mengikuti satu kursus khas yang akan memberi pengetahuan kepada pelajar tentang golongan OKU. Selalunya kursus tersebut adalah kursus elektif. Janet (2000) dan Poulin & Matis (2015) menunjukkan pemahaman pelajar tentang kursus yang lebih mendalam akan memberi kesan kepada diri mereka dan mampu kompeten serta dianggap sebagai ‘pakar’ dalam praktis. Umumnya, tumpuan dibuat untuk mempelajari kemahiran khusus bekerja dengan orang perseorangan dalam konteks pembangunan diri dan penyelesaian masalah melibatkan golongan OKU.

Program kerja sosial di Malaysia menawarkan kursus yang berbeza-beza tetapi masih memenuhi keperluan untuk memahami golongan OKU. Setiap universiti menawarkan nama kursus yang berlainan tetapi masih mempunyai maklumat yang sama mengikut kepelbagaian klien. Antaranya, kursus Pengurusan Kerja Sosial di UKM, kursus Kerja Sosial dengan Kanak-kanak dan Remaja, Khidmat Bersepadu untuk Golongan Orang Kurang Upaya, Agama dan Kebajikan dan Kepelbagaian Budaya dan Keperluan Manusia di UUM, Personaliti dan Perbezaan Individu di UMS, Agama dan Kerja Sosial dan Pengajian Kecacatan di UnisZa dan kursus Dinamika Sosial di UM. Kepelbagai kursus ini masih memenuhi keperluan pelajar untuk mendalami perkhidmatan dan sokongan yang perlu melibatkan kepelbagaian klien termasuk golongan OKU. Selain daripada kursus yang diikuti, pelajar yang mengikuti program kerja sosial juga akan menjalani latihan industri. Menerusi latihan industri yang diikuti pelajar akan berada di pusat perkhidmatan sama Jabatan Kebajikan Masyarakat atau Badan Bukan Kerajaan untuk dihubungkan dengan kumpulan sasar. Sulaiman (2017) dalam kajiannya menunjukkan pelajar sememangnya cenderung untuk memilih pusat jagaan warga tua, kanak dan wanita serta OKU untuk menjadi pelatih latihan industri. Pengalaman ini akan dapat membantu pelajar yang mengikuti program kerja sosial telah terdedah dengan intervensi. Dengan adanya penawaran kursus dan latihan industri tersebut pelajar program kerja sosial akan mampu mencapai kompetensi berdasarkan Piawaian Kompetensi Kebangsaan Praktis Kerja Sosial di Malaysia (2010). Situasi ini juga dapat meningkatkan kebolehpasaran graduan yang telah tamat pengajian dan mengurangkan kadar pengangguran di Malaysia.

METODOLOGI

Dalam kajian ini, piawaian kurikulum asas kerja sosial menjadi pengukuran untuk menggambarkan tentang penguasaan pelajar terhadap bentuk-bentuk kurikulum asas kerja sosial. Dari segi pendekatan, kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui kaedah tinjauan deskriptif. Kaedah kajian deskriptif berguna bagi menggambarkan atau menyatakan ciri-ciri seperti pendapat, pengetahuan dan sikap populasi yang dikaji terhadap sesuatu perkara (Fraenkel & Wallen, 1996). Manakala teknik pengumpulan data adalah menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian.

Lokasi Kajian

Kajian ini telah melibatkan pelajar universiti awam yang menawarkan program kerja sosial di Malaysia. Kajian ini melibatkan enam buah universiti awam sebagai lokasi kajian iaitu USM, UUM, UM, UKM, UMS dan UnisZa. Program kerja sosial yang ditawarkan oleh universiti awam tersebut adalah di bawah Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, USM, Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial, UUM, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM, Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, UM, Fakulti Sains Sosial Gunaan, UnisZA dan Fakulti Psikologi dan Pendidikan, UMS. Pemilihan lokasi kajian ini adalah berdasarkan ciri-ciri responden yang sesuai untuk pengkajian ini. Ciri-ciri responden adalah pelajar tahun akhir program kerja sosial dan telah mengikuti atau sedang menjalani latihan industri di agensi tertentu.

Teknik Persampelan

Teknik persampelan yang digunakan untuk pengkajian ini adalah persampelan bertujuan. Hal ini kerana hanya pelajar tahun akhir dan telah mengikuti atau sedang menjalani latihan industri sahaja dipilih sebagai responden kajian. Secara keseluruhannya, seramai 340 orang pelajar yang berada pada tahun akhir pengajian program kerja sosial terlibat dalam pengajian ini. Walau bagaimanapun, hanya seramai 279 orang pelajar program kerja sosial yang berjaya dilibatkan dalam kajian ini. Rasional pemilihan pelajar tersebut sebagai sampel kajian kerana pelajar

tahun akhir adalah pelajar yang telah mengikuti sebahagian besar kursus yang ditawarkan dalam program kerja sosial. Mereka juga mempunyai pengalaman praktikum dan memahami kurikulum asas kerja sosial yang telah dipelajari sepanjang pengajian (Zakaria, 2006).

Pengumpulan dan Penganalisan Data

Teknik yang digunakan untuk pengumpulan data adalah borang soal selidik. Satu set borang soal selidik telah dibina dan diedarkan kepada responden kajian bagi mendapatkan maklumat kajian. Maklumat yang dikumpul melalui borang soal selidik telah dianalisis menggunakan program Pakej Statistik Untuk Sains Sosial (SPSS) Versi 23. Bagi mengukur pengetahuan pelajar tentang pendidikan terhadap golongan OKU, nilai peratusan telah digunakan. Manakala bagi penentuan tahap pemahaman mereka, dilakukan dengan menjumlahkan markah bagi setiap item. Aras pemahaman dikategorikan kepada tiga iaitu tinggi, sederhana dan rendah. Penentuan kategori aras pemahaman tinggi dilakukan dengan cara nilai min ditambah dengan nilai sisihan piawai. Tahap pemahaman rendah ditentukan dengan menolak nilai min daripada sisihan piawai. Manakala aras pemahaman sederhana ialah nilai antara aras tinggi dan rendah.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Latar Belakang Responden

Kajian ini melibatkan pelajar tahun akhir yang mengikuti program kerja sosial di universiti awam di Malaysia. Umur pelajar pada tahun akhir pengajian dianggarkan antara 23 hingga 24 tahun berikutan pengajian yang diikuti oleh pelajar adalah minimum selama 3 tahun. Sistem Pendidikan Malaysia melayakkan pelajar yang berusia 19 tahun atau 20 tahun untuk memasuki universiti awam. Penemuan kajian menunjukkan lebih separuh (53.0%) pelajar berumur 24 tahun (Jadual 1).

Jadual 1: Latar Belakang Responden

Demografi Pelajar		Jumlah	Peratusan (%)
Umur	22 Tahun	17	6.1
	23 Tahun	102	36.6
	24 Tahun	148	53.0
	25 Tahun	8	2.9
	26 Tahun	3	1.1
	47 Tahun	1	0.4
Tempoh Pengajian	Enam Semester	113	40.5
	Tujuh Semester	10	3.6
	Lapan Semester	156	55.9
Institusi Latihan Industri	Kebajikan	120	43
	Pendidikan	27	9.7
	NGO	67	24.0
	Perubatan	22	7.9
	Keselamatan	43	15.4

Dari segi tempoh pengajian yang diikuti oleh pelajar program kerja sosial adalah berbeza. Bagi USM, UUM dan UNISZA, program kerja sosial yang ditawarkan memerlukan pelajar mengikuti minimum selama lapan semester. Manakala UKM dan UMS memerlukan pelajar mengikuti minimum enam semester. Hanya UM sahaja memerlukan pelajar mengikuti program minimum selama tujuh semester. Penemuan kajian menunjukkan lebih

separuh (55.9%) pelajar telah mengikuti program kerja sosial selama lapan semester. Manakala sebanyak 40.5 peratus mengikuti program kerja sosial selama enam semester. Hanya 3.7 peratus sahaja pelajar mengikuti program kerja sosial selama tujuh semester. Dari segi penempatan latihan industri majoriti (43.0%) pelajar telah menjalani latihan industri di institusi kebajikan. Manakala institusi pendidikan pula adalah pelajar yang menjalani latihan industri di sekolah atau Pejabat Pelajaran Daerah (9.7%).

Seterusnya, institusi badan NGO adalah terdiri daripada institusi telekomunikasi, yayasan, pusat pelancongan dan syarikat swasta (24.0%). Institusi perubatan pula merupakan pusat perubatan dan hospital yang mempunyai jawatan pekerja sosial perubatan (7.9%). Seterusnya institusi keselamatan adalah Ibu Pejabat Polis Daerah dan Agensi Antidadah Kebangsaan (15.4%). Dasar Pendidikan dan Piawaian untuk Pendidikan Kerja Sosial telah menetapkan keperluan minima dua kali penempatan di agensi yang memerlukan pelajar memenuhi 800 hingga 1000 jam. Keperluan dipercayai mampu menjadikan pelajar terlatih dalam praktis sebenar. Berdasarkan penemuan ini pelajar yang mengikuti program kerja sosial akan cenderung menjalani latihan industri di Jabatan Kebajikan Masyarakat kerana jabatan ini menyediakan pelbagai perkhidmatan termasuk perkhidmatan untuk OKU.

Pengetahuan Pelajar Tentang Aspek Memahami Golongan OKU

Kepelbagaian keupayaan fizikal dan mental merupakan salah satu aspek dalam memenuhi kurikulum asas kepelbagaian klien. Marilyn (2013) menyatakan setiap universiti perlu menyediakan pengetahuan tentang kepelbagaian keupayaan fizikal dan mental kepada pelajar yang mengikuti program kerja sosial di peringkat Sarjana Muda dan Sarjana. Jabatan Kebajikan Masyarakat mendefinisikan kepelbagaian keupayaan fizikal sebagai seseorang yang mengalami ketidakupayaan anggota badan sama ada kehilangan fungsi atau tidak mempunyai satu anggota di mana-mana bahagian anggota badan termasuklah keadaan anggota yang tidak sempurna yang mana keadaan ini akan menjejaskan keupayaannya. Selain itu, kurang upaya dari segi pertuturan, percakapan, masalah pembelajaran dan kurang upaya pelbagai. Manakala kepelbagaian keupayaan mental adalah seseorang yang menghadapi penyakit mental yang teruk yang telah menjalani rawatan atau telah diberi diagnosis selama sekurang-kurangnya dua tahun oleh Pakar Psikiatri. Akibat daripada penyakit yang dialami, mereka masih tidak berupaya untuk berfungsi sama ada sebahagian atau sepenuhnya dalam hal berkaitan dirinya atau perhubungan dalam masyarakat walaupun setelah menjalani rawatan psikiatri.

Pekerja sosial perlu memahami teori, keadilan dan polisi yang ada untuk mengupayakan golongan kurang upaya (Marilyn, 2013; Miriam, 2001). Pada tahun 1963, *Community Mental Health Centers Act* telah menyediakan latihan secara profesional kepada pelajar yang mengikuti program kerja sosial di Amerika Syarikat (Davis, 2012). Situasi ini harus dititik beratkan dalam kursus kerja sosial yang ditawarkan di universiti awam, Malaysia. Latihan professional adalah perlu agar pelajar tidak hanya memahami golongan OKU berdasarkan teori semata-mata. Pelajar perlu diberi latihan untuk bekerja secara langsung dengan golongan OKU agar mereka dapat mempraktikkan praktis yang sebenar terhadap golongan OKU. Penemuan kajian menunjukkan sebilangan besar (98.2%) pelajar telah mempelajari kepelbagaian keupayaan fizikal di universiti (Jadual 2). Hanya segelintir (1.8%) pelajar menyatakan tidak mempelajari tentang keupayaan fizikal. Manakala sebanyak 97.8 peratus pelajar menunjukkan telah mempelajari kepelbagaian keupayaan mental. Sebanyak 2.2 peratus pelajar tidak mempelajari tentang keupayaan mental. Penemuan kajian ini menunjukkan sebilangan pelajar yang mengikuti program kerja sosial telah mempelajari kepelbagaian keupayaan fizikal dan mental untuk memenuhi kurikulum asas kepelbagaian klien di universiti awam. Situasi ini menunjukkan pelajar yang mengikuti program kerja sosial di universiti awam sememangnya telah mempelajari dari aspek teori dan praktis terhadap golongan OKU.

Jadual 2: Bentuk Piawaian Pendidikan Kerja Sosial (OKU)

Bentuk Piawaian Pendidikan Kerja Sosial	Mempelajari	Belum Mempelajari	Jumlah
Kepelbagaian Keupayaan Fizikal	274 98.2%	5 1.8%	279 100%
Kepelbagaian Keupayaan Mental	273 97.8%	6 2.2%	279 100%

Halangan Pelajar Untuk Memahami Golongan OKU

Pelajar yang mengikuti kursus kerja sosial juga diperkenalkan dengan pengetahuan tentang golongan OKU dan pesakit mental di Barat (Holden et al., 2002; Sheafor & Horejsi, 2017). Moxley (1992) menyatakan antara peranan pekerja sosial adalah memahami polisi hak orang kelainan upaya dan pesakit mental. Klien yang mempunyai kekurangan upaya dan penyakit mental mempunyai hak yang perlu dipatuhi oleh pekerja sosial. Selain itu, pekerja sosial mesti mengetahui sokongan dan perkhidmatan yang bersesuaian mengikuti keupayaan fizikal dan mental klien (Miriam, 2001; Marylyn, 2013).

Secara keseluruhannya, penemuan kajian menunjukkan sebilangan besar pelajar tidak setuju (42.7%) dan sangat tidak setuju (42.3%) dengan pernyataan 'saya tidak mampu memahami kepelbagaian klien berdasarkan keupayaan fizikal'. Terdapat segelintir pelajar yang menyatakan kurang setuju (10.8%), setuju (3.2%) dan sangat setuju (1.1%) terhadap pernyataan tersebut. Manakala pernyataan 'saya tidak mampu memahami kepelbagaian klien berdasarkan keupayaan mental' menunjukkan sebilangan besar pelajar sangat tidak setuju (40.9%) dan tidak setuju (40.9%) dengan pernyataan tersebut. Terdapat segelintir pelajar yang menyatakan kurang setuju (13.3%), setuju (3.6%) dan sangat setuju (1.4%) terhadap pernyataan tersebut. Penemuan ini menunjukkan pelajar tidak mempunyai halangan untuk memahami golongan OKU sama ada OKU fizikal mahupun mental dengan mengikuti kursus kerja sosial yang ditawarkan. Keadaan ini menjadikan pelajar lebih bersedia untuk mengendalikan golongan OKU dalam praktis yang sebenar.

Kajian Nora Sawal et al. (2020) menunjukkan pelajar yang mengikuti program kerja sosial di universiti adalah jumlah yang ramai. Jika pelajar lulusan kerja sosial ini dapat dilatih untuk pakar terhadap kumpulan sasaran, keadaan ini tidak mendatangkan masalah kepada negara untuk melahirkan graduan yang pakar untuk menyediakan perkhidmatan dan latihan kepada kumpulan sasaran termasuk golongan OKU.

Jadual 3: Pemahaman Pelajar Menguasai Kurikulum Asas Kerja Sosial (OKU)

Halangan pelajar untuk menguasai Kurikulum Asas Kerja Sosial	TAHAP PEMAHAMAN PELAJAR																				df	X ²
	RENDAH (N=62)					SEDERHANA (N=146)					TINGGI (N=71)					JUMLAH (N=279)						
	STS	TS	KS	S	SS	STS	TS	KS	S	SS	STS	TS	KS	S	SS	STS	TS	KS	S	SS		
Saya tidak mampu memahami kepelbagaian klien berdasarkan: Keupayaan fizikal	34	24	3	1	0	69	58	15	3	1	15	37	12	5	2	118	119	30	9	3	8	24.436**
Saya tidak mampu memahami kepelbagaian klien berdasarkan: Keupayaan mental	54.8	38.7	4.8	1.6	0.0	47.3	39.7	10.3	2.1	0.7	21.1	52.1	16.9	7.0	2.8	42.3	42.7	10.8	3.2	1.1	8	28.491***
	34	24	3	1	0	68	53	18	5	2	12	37	16	4	2	114	114	37	10	4	8	
	54.8	38.8	4.8	1.6	0.0	46.6	36.3	12.3	3.4	1.4	16.7	52.1	22.5	5.6	2.8	40.9	40.9	13.3	3.6	1.4		

Nota : STS = Sangat Tidak Setuju, TS = Tidak Setuju, KS =Kurang Setuju, S = Setuju, SS = Sangat Setuju, J = Jumlah, N= Jumlah

*Signifikan pada aras $P \leq 0.05$

**Signifikan pada aras $P \leq 0.01$

***Signifikan pada aras $P \leq 0.00$

Ciri Kurikulum Kerja Sosial di Universiti Awam di Malaysia

Kajian Hardy (2010) dan Pickard (2003) menunjukkan pelajar perlu memahami kepelbagaian klien berdasarkan beberapa kursus yang perlu diikuti. Terdapat satu kursus khas yang akan memberi pengetahuan kepada pelajar tentang kepelbagaian klien. Selalunya kursus tersebut adalah kursus elektif. Situasi ini sama dengan program kerja sosial di universiti awam di Malaysia. Janet (2000) dan Poulin & Matis (2015) menunjukkan pemahaman pelajar tentang kursus yang lebih mendalam akan memberi kesan kepada diri mereka dan mampu kompeten serta dianggap sebagai 'pakar' dalam praktis.

Setiap universiti menawarkan nama kursus yang berlainan tetapi masih mempunyai maklumat yang sama mengikut kepelbagaian klien. Antaranya, kursus Pengurusan Kerja Sosial di UKM, kursus Kerja Sosial dengan Kanak-kanak dan Remaja, Khidmat Bersepadu untuk Golongan Orang Kurang Upaya, Agama dan Kebajikan dan Kepelbagaian Budaya dan Keperluan Manusia di UUM, Personaliti dan Perbezaan Individu di UMS, Agama dan Kerja Sosial dan Pengajian Kecacatan di UniSZA dan kursus Dinamika Sosial di UM. Walau bagaimanapun, situasi ini berbeza dengan kursus yang ditawarkan di barat. Misalnya, *Western Illinois University* yang hanya menawarkan satu kursus untuk memberi pengetahuan kepada pelajar tentang kepelbagaian klien iaitu *Social Justice and Diversity*. Begitu juga dengan *University of Illinois Social Work Urbana-Champaign* hanya menawarkan kursus *Diversity: Identities and issues*. Penyediaan kursus yang memfokuskan kepada golongan OKU menjadikan pelajar dianggap pakar terhadap kumpulan sasaran yang dipilih. Walau bagaimanapun, kursus yang ditawarkan di universiti awam masih menjadikan pelajar berpengetahuan tentang pelbagai kumpulan sasaran termasuk golongan OKU. Hal ini kerana, selalunya pelajar telah didedahkan dengan kumpulan sasaran tertentu sejak awal pengajian.

Berdasarkan Piawaian Kompetensi Kebangsaan Praktis Kerja Sosial di Malaysia (2010), kursus yang diikuti oleh pelajar semasa dalam pengajian akan menjadikan pelajar berupaya membuat refleksi praktis secara profesional. Menerusi kompetensi ini pengamal kerja sosial akan berupaya untuk memahami golongan OKU. Analisis ujian Khi Kuasa Dua menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan ($P \geq 0.05$) dari segi pemahaman kurikulum asas kerja sosial di antara mereka yang telah memahami dan tidak memahami tentang kepelbagaian dalam amalan kerja sosial. Keadaan ini disebabkan hampir keseluruhan pelajar telah belajar dan memahaminya menerusi kursus yang telah disediakan di universiti masing-masing. Penemuan kajian ini menunjukkan bahawa sebilangan besar pelajar yang mempunyai tahap pemahaman kurikulum asas kerja sosial rendah (100%), sederhana (97.9%) dan tinggi (97.2%) terhadap kurikulum asas kerja sosial telah mempelajari dan memahami tentang pengetahuan berasaskan kepelbagaian dalam amalan. Berdasarkan daripada ciri-ciri kurikulum yang disediakan oleh universiti awam sememangnya telah memenuhi keperluan pelajar program kerja sosial untuk mengendalikan klien mengikut kumpulan sasaran. Sawal et al. (2020) menunjukkan selalunya pelajar yang mengikuti program kerja sosial lebih cenderung untuk terlibat dalam profesion kerja sosial dan mampu mengendalikan klien yang pelbagai.

KESIMPULAN

Secara umumnya, objektif kajian ini adalah untuk meneliti pemahaman pelajar tahun akhir yang mengikuti program kerja sosial terhadap kurikulum asas kerja sosial yang memfokuskan aspek golongan OKU di universiti awam. Berdasarkan penemuan kajian, pelajar yang mengikuti program kerja sosial telah memahami tentang golongan OKU dengan adanya penyediaan kursus-kursus tertentu di universiti awam masing-masing. Malah kajian ini juga menunjukkan pelajar tidak mempunyai halangan untuk memahami golongan OKU berdasarkan kursus yang

dipelajari. Berdasarkan ciri-ciri kurikulum asas kerja sosial pula mendapati program kerja sosial ada menawarkan pengetahuan dan kemahiran tentang OKU menerusi kursus universiti masing-masing. Keadaan ini menunjukkan seharusnya graduan yang mengikuti program kerja sosial mempunyai kemahiran professional untuk mengendalikan golongan OKU di praktis sebenar.

Walau bagaimanapun, kursus program kerja sosial yang ditawarkan masih memerlukan pementapan dan keselarasan. Perbezaan nama kursus menyebabkan pelajar yang mengikuti program kerja sosial merasakan mereka tidak memperoleh maklumat, pengetahuan dan kemahiran yang sama dan berbeza mengikut universiti masing-masing. Selain itu, Akta Pekerja Sosial yang masih di peringkat kabinet juga menyebabkan pekerja sosial masih belum dianggap sebagai khidmat professional di Malaysia. Walaupun kini, pihak JKM telah meletakkan syarat memperoleh Ijazah Sarjana Muda Kerja Sosial kepada pegawainya, namun profesion kerja sosial masih memerlukan Akta Pekerja Sosial untuk dilaksanakan bagi menjaga profesionalisme profesion kerja sosial di Malaysia.

RUJUKAN

- Amin, A. S., Manap, J., & Akhir, N. M. (2016). Peranan keluarga dalam kehidupan kanak-kanak kurang upaya Malaysia. *Akademika*, 86(1), 21-30.
- DeGroot, J. N. (2019). *Bachelor of Social Work Students Experiences: Understanding Learning Needs* (Doctoral dissertation, Capella University).
- Dupre, M. E. (2013). *Social work education and disability: A multicase study of approaches to disability in core and specialized curricula at three bachelor of social work programs*. University of Manitoba (Canada).
- Elena, D. (2012). *Unemployment Fact Sheet: Shelby County and The City of Memphis 2011-2012* (Doctoral Dissertation). Available from: <http://www.memphis.edu/socialwork/pdfs/>
- Fraenkel, J. R., Wallen, N. E., & Hyun, H. H. (2012). *How to design and evaluate research in education*. New York: McGraw-hill.
- Hardy, V. (2010). Women of Colour on the Rise: Leadership and Admiration in Social Work Education and the Academy (Paper Review). *Journal of Social Work Values and Ethics*, 7(1), 64.
- Holden, G., Meenaghan, T., Anastas, J., & Metrey, G. (2002). Outcomes of social work education: The case for social work self-efficacy. *Journal of Social Work Education*, 38(1), 115-133.
- Hunt & Colander. (2002). *Social Science: An Introduction to the Study of Society*. (11th eds). Boston: Allyn and Bacon.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2017). Piawaian kompetensi kebangsaan praktis kerja sosial di Malaysia. *Putrajaya: JKM*.
- Mackelprang, R. W., Salsgiver, R. O., Parrey, R. C., & Parrey, R. (2021). *Disability: A diversity model approach in human service practice*. Oxford University Press.
- Michelle, G. B. (2013). Cultural competence in school social work: A personel and profesional learning

curve. *Master of Social Work Clinical Research Papers*. St. Catherine University, University of St. Thomas.

- Michelle, P. M. (2016). *Cultural Competence in Social Work Practice: Exploring the Experiences of Recent MSW Graduates* (Dissertation Doctor of Education). Available from ProQuest Dissertation and Thesis database.
- Miller, S. E. (2013). Professional socialization: A bridge between the explicit and implicit curricula. *Journal of Social Work Education*, 49(3), 368-386.
- Norul Huda, S., Ezarina, Z., Fauziah, I., Nur Saadah, M. A., & Aizan, S. A. (2017). Membina Konteks Profesional dan Efikasi Kendiri Pelajar Kerja Sosial: Cabaran Hubungan Pekerja Sosial-Klien Semasa Kerja Lapangan. *Persidangan Kerja Sosial Kebangsaan*, 384-394.
- Pickard, L. S. (2004). *An evaluation of a compassion education curriculum designed for students in the profession of social work*. University of San Francisco.
- Poulin, J., & Matis, S. (2015). Social work competencies and multidimensional assessment. *Journal of Baccalaureate Social Work*, 20(1), 117-135.
- Rosli, H. F., Sabri, S. A., Wahab, N. A., & Zakaria, N. A. (2015). Kesedaran golongan majikan terhadap orang kurang upaya (OKU) di Malaysia: Melalui perspektif media. *Jurnal Pengurusan dan Muamalah*, 2(1), 198-199.
- Sakinah Sidek. (2020). *Pelaksanaan Program Pemulihan Dalam Komuniti Dalam Meningkatkan Kebolehan Pelatih Orang Kurang Upaya Melakukan Aktiviti Harian*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Malaya.
- Sawal, N., Kasuni, N. A., & Alavi, K. (2020). Kesiediaan Kerjaya Dalam Kalangan Pelajar Kerja Sosial. *Jurnal Wacana Sarjana*, 4(5), 1-9.
- Sheafor, B. W., Horejsi, C. R., & Horejsi, G. A. (1988). *Techniques and guidelines for social work practice*. Boston: Allyn and Bacon.
- Sulaiman, A. (2017). Persediaan Pelajar Sebagai Pelatih Kerja Sosial. *Kertas dibentangkan dalam Prosiding PESAN*, 413-418.
- Tyler, R. W. (2013). *Basic principles of curriculum and instruction*. University of Chicago press.
- Yardley, S., Teunissen, P. W., & Dornan, T. (2012). Experiential learning: transforming theory into practice. *Medical Teacher*, 34(2), 161-164.